

Lampiran B: Soalan-soalan Temu bual (*Interview*)

A. Temu bual kepada Tuan Amrullah, Ketua Baitul Mal Aceh (BMA)

- Bagaimana kuasa BMA sebagai institusi pegurusan zakat di Aceh?
- Bagaimana BMA mempergiatkan aktiviti zakat produktif agar ia mendapat sambutan dan diterima oleh lapisan masyarakat?
- Setakat ini, usaha-usaha apa sahaja yang sedang digiatkan oleh BMA terhadap pengembangan zakat produktif?
- Adakah BMA menjalin kerjasama dengan mana-mana badan bukan kerajaan (NGO) bagi memudahkan lagi kerja yang mengembangkan zakat produktif?
- Apa kekuatan dan kelemahan BMA dalam mengembangkan usaha mikro melalui zakat produktif?
- Sampai setakat ini, apa peluang dan cabaran atau ancaman yang BMA temukan dalam usaha mengembangkan zakat produktif?
- Apa komen tuan terhadap aktiviti zakat produktif di Aceh sekarang ini, dan apa rancangan BMA terhadap aktiviti tersebut untuk masa hadapan?

B. Temu bual kepada Puan Muaffat Bte Musa, Manager Unit Pengurusan Zakat Produktif (UPZP) Baitul Mal Aceh

- Setakat ini, program apa sahaja yang berkesan dilakukan oleh Unit Pengelolaan Zakat Produktif (UPZP) BMA?
- Bagaimana mekanisme pengagihan pembiayaan/modal usaha zakat produktif untuk kalangan usahawan mikro?
- Apa kriteria BMA dalam menentukan orang-orang yang patut menerima agihan zakat produktif tersebut?
- Apa kekuatan dan kelemahan BMA dalam memberdayakan usaha mikro?
- Setakat ini, apa peluang dan cabaran atau ancaman yang BMA dapati dalam usaha pemberdayaan zakat produktif?
- Bagaimana strategi dan penyelesaian alternatif BMA dalam menghadapi permasalahan-permasalahan tersebut?
- Apa komen puan terhadap aktiviti mustahik setelah mendapatkan agihan modal usaha dari BMA?